

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 perlu dipinda dengan tujuan memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya adalah berfungsi untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini melalui pilihan raya yang bebas dan adil. Adalah menjadi tanggungjawab SPR bagi memastikan rakyat dapat memilih wakil-wakil mereka melalui undian dalam setiap pilihan raya. Dalam menjalankan pilihan raya, SPR berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 di semua negeri di seluruh negara

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada, sudah mencukupi untuk memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam. Umpamanya, Perkara 118 yang telah wujud semenjak Perlembagaan Persekutuan digubal, membenarkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR untuk mengemukakan petisyen pilihan raya kepada mana-mana Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan. Bagaimanapun, apabila sesuatu petisyen dikemukakan dan diterima di mahkamah, menjadi hak mahkamah untuk menentukan status kes petisyen itu.

Hal yang sama jika ada mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi, mereka boleh mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat. Seksyen 35A, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) pula menetapkan masa tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan untuk menyelesaikan perbicaraan. Satu tempoh masa yang cukup adil untuk semua pihak.

Ini jelas membuktikan betapa proses demokrasi berlaku dengan subur dan sihat dalam sistem pilihan raya di negara kita, yang mana, pemetisyen diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan dan menggunakan hak mereka yang dibenarkan oleh Undang-undang sekiranya berlaku pertikaian mengenai perjalanan pilihan raya.

Walau bagaimanapun SPR sentiasa mengkaji penambahbaikan untuk dilaksanakan pada masa hadapan bagi memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam.

Sekian. Terima kasih.